

درا ف رانچن تمقن داعيره راعوب، قاهغ ٢٠٣٥ [فغكننن]

**DRAF RANCANGAN TEMPATAN 20**  
**DAERAH RAUB 35**  
**PAHANG (PENGANTIAN)**

**JILID III**  
**PENGURUSAN DAN**  
**PELAKSANAAN PROJEK**

**PLANMalaysia**  
Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa



KPKT



*HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG*

درا ف رانچن تمقن داعيره راعوب، قاهغ ٢٠٣٥ [فغكنتين]

**DRAF RANCANGAN TEMPATAN 20**  
**DAERAH RAUB 35**  
**PAHANG (PENGANTIAN)**

**JILID III PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN PROJEK**

**PLANMalaysia**  
Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa



KPKT







RUMAH  
2035







## 1 PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

<b>1.1</b>	<b>PENGENALAN</b>	1.0-6
<b>1.2</b>	<b>URUS TADBIR DAERAH RAUB, PAHANG 2035</b>	1.0-7
1.2.1	Analisis Keadaan Semasa	1.0-8
1.2.2	Jawatankuasa Tetap Majlis Daerah Raub	1.0-9
1.2.3	Bidang Kuasa Majlis Daerah Raub	1.0-9
<b>1.3</b>	<b>CADANGAN MEMPERKUKUHKAN DAN MEMPERTINGKATKAN KEDUDUKAN KEWANGAN MAJLIS DAERAH RAUB</b>	1.0-10
<b>1.4</b>	<b>UNJURAN HASIL MAJLIS DAERAH RAUB</b>	1.0-12
<b>1.5</b>	<b>CADANGAN PENGUKUHAN JENTERA PELAKSANAAN MAJLIS DAERAH RAUB</b>	1.0-13
1.5.1	Cadangan Penguksuhan Majlis Daerah Raub (MDR)	1.0-13
<b>1.6</b>	<b>PENCAPAIAN STATUS PERBANDARAN MENJELANG TAHUN 2025</b>	1.0-16
<b>1.7</b>	<b>CADANGAN PELAKSANAAN PROJEK RANCANGAN TEMPATAN DAERAH RAUB 2035 (PENGANTIAN)</b>	1.0-17
1.7.1	Pengenalpastian Projek-Projek 'High Impact Project' (HIP) dan 'Quick Wins' (QW) dan Projek Sokongan (SK)	1.0-17
1.7.2	Ringkasan Jumlah Projek dan Kos Pembangunan	1.0-18
1.7.3	Anggaran Nilai Pembangunan Kasar (Gross Development Value) Bagi Projek Terpilih	1.0-21
<b>1.8</b>	<b>PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK CADANGAN</b>	1.0-22
<b>1.9</b>	<b>IMPLIKASI KEWANGAN</b>	1.0-31
1.9.1	Perbelanjaan Kewangan	1.0-27
1.9.2	Pendapatan	1.0-31
1.9.3	Bebanan Kerja	1.0-31
<b>1.10</b>	<b>PEMANTAUAN RANCANGAN TEMPATAN</b>	1.0-32
<b>1.11</b>	<b>ANALISIS PENCAPAIAN PROJEK-PROJEK RT DAERAH RAUB 2003-2015, RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PAHANG 2050 DAN KAJIAN YANG BERKAITAN PELAN</b>	1.0-33

## 2 PEMBANGUNAN PANGKALAN DATA GIS

<b>2.1</b>	<b>PENGENALAN</b>	2.0-3
<b>2.2</b>	<b>Perolehan dan Kemasukan Data</b>	2.0-3
<b>2.3</b>	<b>Reka Bentuk Pangkalan Data</b>	2.0-5
<b>2.4</b>	<b>Penyediaan Metadata GIS Rancangan Tempatan Daerah Raub 2035 (Penggantian)</b>	2.0-6

### Senarai Rajah

<b>Rajah 1.1</b>	LOKASI DAERAH RAUB DALAM KONTEKS NEGERI PAHANG DAN MUKIM	1.0-7
<b>Rajah 1.2</b>	CARTA ORGANISASI MAJLIS DAERAH RAUB SEDIA ADA	1.0-8
<b>Rajah 1.3</b>	PERUNDANGAN YANG DIGUNA PAKAI	1.0-9
<b>Rajah 1.4</b>	<b>UNJURAN HASIL MDR SEHINGGA TAHUN 2035</b>	1.0-12
<b>Rajah 1.5</b>	CADANGAN CARTA ORGANISASI MAJLIS DAERAH RAUB KE ARAH PERBANDARAN	1.0-15

### Senarai Jadual

<b>Jadual 1.1</b>	SENARAI JAWATANKUASA TETAP MAJLIS DAERAH RAUB	1.0-3
<b>Jadual 1.2</b>	KRITERIA KPPT UNTUK STATUS MENAIKTARAF KE MAJLIS PERBANDARAN	1.0-16
<b>Jadual 1.3</b>	RINGKASAN JUMLAH PROJEK DAN KOS PEMBANGUNAN RT DAERAH RAUB 2035 (PENGANTIAN)	1.0-18
<b>Jadual 1.4</b>	MANIFESTASI TERAS : RINGKASAN CADANGAN PEMBANGUNAN/KATEGORI PROJEK/ANGGARAN KOS DAN FASA PEMBANGUNAN	1.0-19
<b>Jadual 1.4</b>	RINGKASAN NILAI PEMBANGUNAN KASAR (GDV) BAGI 4 PROJEK TERPLIH	1.0-19
<b>Jadual 1.5</b>	RINGKASAN JUMLAH PROJEK DAN KOS PEMBANGUNAN	1.0-21
<b>Jadual 1.6</b>	SENARAI CADANGAN PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK KESELURUHAN	1.0-22
<b>Jadual 1.7</b>	CONTOH INDIKATOR PEMANTAUAN RANCANGAN TEMPATAN DAN SASARAN PENCAPAIAN MENGIKUT TAHUN	1.0-32
<b>Jadual 1.8</b>	ANALISIS PENCAPAIAN PROJEK-PROJEK KAJIAN TERDAHULU	1.0-33



(HALAMAN INI SENGAJA DIBIARKAN KOSONG)



# 1 PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN PROJEK







*Ilustrasi Cadangan Raub 21 yang mengandungi cadangan bangunan Baharu Majlis Perbandaran Raub*






## RINGKASAN JUMLAH PROJEK DAN KOS PEMBANGUNAN BAGI FOKUS STRATEGIK (FS)

### (i) Jumlah Projek dan Anggaran Kos

- 12 Fokus Strategik dibentuk yang merangkumi 40 projek utama. Daripada jumlah ini, 15 projek HIP, 13 projek QW dan 12 projek sokongan, yang akan dilaksanakan dalam tiga fasa sehingga tahun 2035.



### (ii) Prioriti Projek

- Prioriti Projek adalah berdasarkan kepada kepentingan dari segi pembangunan wilayah dan daerah, impak kepada penjana ekonomi (daerah dan PBT), perlindungan alam sekitar, kemudahan asas penduduk dan tahap daya saing petempatan. Ini untuk memberikan panduan kepada PBT, agensi dan pelabur, akan kepentingan dan keberhasilan projek-projek mengikut Prioriti Projek. Dengan ini, usaha untuk mempercepat dan mempromosikan projek-projek dapat dijalankan secara terancang dan mengikut keutamaan.

- Merujuk kepada **Jadual 1.1**, **Prioriti 1** adalah pembangunan **Raub Agropolitan**, yang akan menjadi pencetus pembangunan daerah pada masa hadapan. **Prioriti 2** pulak adalah pembentukan imej dan 'branding' kepada fungsinya, bertujuan untuk mempertingkatkan daya saing dan daya tarikan **Pusat Bandar Raub** kepada penduduk di kawasan persempadanan. Manakala **pembangunan Bukit Fraser** adalah untuk menjana pelaburan di kawasan tersebut.

**Jadual 1.1 FOKUS STRATEGIK : RINGKASAN CADANGAN PEMBANGUNAN/KATEGORI PROJEK/ANGGARAN KOS DAN FASA PEMBANGUNAN**

CADANGAN PEMBANGUNAN	KATEGORI PROJEK / Anggaran Kos Pembangunan (RM JUTA)**						Jumlah Projek	JUMLAH (RM juta)	Prioriti Projek*	FASA PEMBANGUNAN			
	HIP	RM Juta	QW	RM Juta	SK	RM Juta				1 2020-2025	2 2026-2030	3 2031-2035	
<b>FOKUS STRATEGIK (FS)</b>													
FS1	Raub Agropolitan	2	40.1	-	-	-	-	2	40.1	1			
FS2	Penjenamaan Dan Promosi Pelancongan Bersepadu Daerah Raub	-	-	2	40.0	-	-	2	40	6			
FS3	Raub Bandar Agro Warisan (Raub Agro Heritage City)	4	501.5	-	-	1	8.0	5	509.5	2			
FS4	Bukit Fraser Tanah Tinggi Eko Warisan	2	17.4	2	26.8	2	13.0	6	57.2	3			
FS5	Kompleks Benum Sebagai Kawasan Geopark	-	-	-	-	1	5.0	1	5	11			
FS6	Infrastruktur Strategik	2	672.0	-	-	-	-	2	672	4			
FS7	Placemaking Raub	-	-	6	21.7	2	56.5	8	78.2	8			
FS8	Dong Pekan Warisan Pasar Sehari	1	0.9	2	4.5	1	3.4	4	8.8	8			
FS9	Sungai Ruan Pusat Agro Satelit-Durian	1	23.8	-	-	2	7.2	3	31	9			
FS10	Batu Malim Pekan Pesisir Sungai	1	8.1	1	3.5	1	2.6	3	14.2	10			
FS11	Pusat Interaktif Komuniti	1	6.2	-	-	2	54.0	3	60.2	12			
FS12	Pensasaran Status Majlis Perbandaran Raub	1	-			2	30.0	3	30.0	5			
<b>JUMLAH</b>		<b>15</b>	<b>1,270</b>	<b>13</b>	<b>96.5</b>	<b>14</b>	<b>179.7</b>	<b>42</b>	<b>1,546.2</b>				

Nota "

HIP = Projek Berimpak Tinggi (High Impact Project)

QW = Projek Quick Win

SK = Projek Sokongan

- Prioriti Projek adalah berdasarkan kepada kepentingan dari segi pembangunan wilayah dan daerah, impak kepada penjana ekonomi (daerah dan PBT), perlindungan alam sekitar, kemudahan asas penduduk dan tahap daya saing petempatan.

\*\* Kategori projek (RM) termasuk anggaran kos pembangunan (tidak termasuk kos tanah dan lain-lain)









## **PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN**

- 1.1      PENGENALAN**
- 1.2      URUS TADBIR DAERAH RAUB, PAHANG 2035**
- 1.3      CADANGAN MEMPERKUKUHKAN DAN MEMPERTINGKATKAN KEDUDUKAN KEWANGAN MAJLIS**
- 1.4      UNJURAN HASIL MDR**
- 1.5      CADANGAN PENGUKUHAN JENTERA PELAKSANAAN**
- 1.6      PENCAPAIAN STATUS PERBANDARAN**
- 1.7      CADANGAN PELAKSANAAN PROJEK RANCANGAN TEMPATAN DAERAH RAUB 2035 (PENGANTIAN)**
- 1.8      PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK CADANGAN**
- 1.9      IMPLIKASI KEWANGAN**
- 1.10     PEMANTAUAN RANCANGAN TEMPATAN**
- 1.11     ANALISIS PENCAPAIAN PROJEK-PROJEK RT DAERAH RAUB 2003-2015, RANCANGAN STRUKTUR NEGERI PAHANG 2050 DAN KAJIAN YANG BERKAITAN PELAN**



# 1. PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

## 1.1 Pengenalan

Kajian Rancangan Tempatan Daerah Raub, Pahang 2035 (Penggantian) merupakan dokumen pembangunan strategik bagi Majlis Daerah Raub (MDR) sehingga Tahun 2035, dengan kepelbagaian fungsi dan peranan. Antaranya :

### 1. Pelan Rujukan Pembangunan dan Perancangan

Rancangan Tempatan Daerah Raub, Pahang 2035 (Penggantian) mencorakkan, mengarah dan menggalak pembangunan serta memperelokkan alam sekitar dan sistem perhubungan bagi Daerah Raub sehingga tahun 2035. Kajian ini juga turut memudah cara orang awam untuk mendapatkan maklumat terperinci kawasan yang berpotensi untuk pembangunan pada masa hadapan serta kawasan-kawasan yang perlu dikekalkan dan dipelihara untuk kepentingan alam sekitar dan warisan.

### 2. Pelan Pelaburan

RT Daerah Raub, Pahang 2035 (Penggantian) juga bertindak sebagai sebuah pelan pelaburan (*Investment Plan*) yang dapat memberi gambaran berkenaan potensi-potensi pembangunan dan arah tuju pembangunan yang terdapat di dalam Daerah Raub kepada agensi kerajaan, pihak swasta dan orang awam.

### 3. Pelan Perniagaan

Rancangan tempatan juga dirujuk sebagai Pelan Perniagaan (*Business Plan*) yang menjadi pemacu kepada pembangunan ekonomi daerah. Dengan adanya Rancangan Tempatan Daerah Raub, Pahang 2035 (Penggantian) ini potensi-potensi kawasan perniagaan, mahupun perindustrian dapat dilihat terutama di kawasan-kawasan pusat pertumbuhan.

### 4. Peningkatan Hasil Pendapatan

Dengan adanya Rancangan Tempatan adalah diharapkan, peluang-peluang perniagaan di Daerah Raub bertambah serta ruang-ruang tanah untuk pembangunan dapat dipenuhi. Ini dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi daerah serta dapat menyumbang hasil.

### 5. Pelan Pelaksanaan Projek

RT Daerah Raub, Pahang 2035 (Penggantian) ini merupakan asas di dalam merancang dan melaksanakan pelbagai projek kepada pelbagai jabatan atau agensi kerajaan, dan sebagai panduan pelaburan kepada pihak swasta dan individu di kawasan majlis. Jabatan atau agensi kerajaan dan pihak swasta yang terlibat akan lebih jelas hala tuju pembangunan kawasan MDR dan boleh membantu pihak yang terlibat dalam penyediaan belanjawan dan permohonan peruntukan dengan lebih awal.

Rancangan Tempatan Daerah Raub, Pahang 2035 (Penggantian) ini mencadangkan beberapa projek utama untuk dilaksanakan oleh majlis serta agensi pelaksana lain. Projek ini merangkumi sektor pertanian, penternakan, akuakultur dan perhutanan, pengangkutan, pelancongan, reka bentuk bandar, perumahan, petempatan desa, infrastruktur dan utiliti, tanah lapang, landskap dan rekreasi, kemudahan masyarakat, perindustrian, komersil dan alam sekitar. Usaha dan kerjasama yang berterusan antara MDR dan agensi kerajaan lain serta pihak swasta amat penting untuk memajukan kawasan pembangunan baru yang dicadangkan.



## 1.2 Urus Tadbir Daerah Raub Pahang 2035

Urus tadbir Baik atau *Good Governance* merupakan proses dalam membuat keputusan dan penilaian bagi menentukan keberkesanan terhadap satu pelaksanaan polisi yang di ambil. Ianya juga melibatkan perhubungan awam, mengawal selia sumber-sumber awam serta memastikan hak asasi manusia yang dilaksanakan oleh badan-badan awam. Urus tadbir bandar yang baik dapat di capai melalui proses yang telus serta pelaksanaan projek secara beretika, berintegrasi dan bebas dari sebarang unsur rasuah yang akan memberi impak negatif terhadap sesuatu organisasi.

Bagi memastikan keberkesanan dasar yang dirancang, sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti Majlis Daerah Raub, Pahang (MDR), perlu memiliki sesuatu struktur organisasi dan pengurusan yang efisien, mantap, efektif dan disokong dengan kedudukan kewangan yang utuh. Namun, ciri-ciri ini masih tidak mencukupi untuk memastikan kejayaan pelaksanaan sesebuah projek yang dirancang kerana ianya masih memerlukan sokongan padu daripada semua pihak berkepentingan yang terlibat dengan perancangan, pelaksanaan dan kawalan pembangunan serta penglibatan aktif yang menyeluruh dari pihak swasta dan awam yakni penduduk setempat.


Dalam membentuk sebuah bandar yang berdaya saing serta maju, lapan (8) prinsip urus tadbir bandar ini perlu diambil kira dan diterapkan di dalam organisasi supaya proses mengurus tadbir bandar menjadi lebih efisien, telus serta cekap iaitu: Penglibatan (*Perticipation*); Undang-Undang (*Rule of Law*); Ketelusan (*Transparency*); Tindakan (*Responsiveness*); Kepentingan (*Equity and Inclusiveness*); Persetujuan Bersama (*Consensus Orientation*); Keberkesanan dan Kecekapan (*Effectiveness and Efficiency*) dan Bertanggungjawab (*Accountability*).

Majlis Daerah Raub (MDR) merupakan organisasi utama dalam melaksana dan menjayakan strategi perancangan yang dicadangkan dalam RT Daerah Raub, Pahang 2035 (P). Sokongan padu daripada Pejabat Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia Negeri Pahang, Jabatan Pertanian Pahang, Jabatan Perhutanan Pahang dan lain-lain agensi pelaksana juga menyumbang kepada keberkesanan pelaksanaan RT Daerah Raub, Pahang 2035 (P) kelak termasuk Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN), Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Pahang.

Kawasan kajian Rancangan Tempatan Daerah Raub, Pahang 2035 (Penggantian) meliputi keseluruhan kawasan Daerah Raub dengan keluasan lebih kurang 226,900 hektar merangkumi tujuh (7) buah mukim iaitu Batu Talam, Dong, Gali, Ulu Dong, Sega, Semantan Hulu dan Tras.

Kawasan operasi Majlis Daerah Raub pula di mana seperti mana yang diwartakan dan disahkan pada Oktober 2014 adalah seluas 11,505 hektar atau cuma merangkumi lebih kurang 5.1% dari keseluruhan Daerah Raub. Di dalam kawasan ini pihak MDR berperanan untuk mentadbir, merancang dan membiayai kawasan terlibat termasuklah menyediakan perkhidmatan pembersihan, penyelenggaraan, penyediaan kemudahan awam, infrastruktur serta mengawal pembangunan bagi menjaga kesejahteraan penduduk. Namun begitu keluasan sebenar terkini telah dan sedang bertambah sesuai dengan pertumbuhan kawasan pembangunan. Sila rujuk **Rajah 1.1** menunjukkan kawasan RT Daerah Raub, Pahang 2035 (P)

Rajah 1.1 LOKASI DAERAH RAUB DALAM KONTEKS NEGERI PAHANG DAN MUKIM





### 1.2.1 Analisis Keadaan Semasa

Majlis Daerah Raub telah ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) pada 1 Julai 1981 menerusi warta kerajaan Negeri Pahang Darul Makmur No. 342 pada 04 Jun 1981 Jilid 34/12, No. Gn 339, Pelan No. PW 1236 yang hanya merangkumi kawasan seluas 38.73 kilometer persegi atau 1.71% keseluruhan kawasan Daerah Raub.


Kawasan Majlis telah diperluaskan dengan mengambil keluasan Bukit Fraser dan lain-lain kawasan dalam daerah Raub kecuali hutan simpan berkuat kuasa pada 7 November 1997 melalui Warta Kerajaan Negeri Pahang bertarikh 31 Disember 1998, Jilid 51/27, No GN 1082, Plan No. PW 3270 menjadikan keluasan majlis bertambah menjadi 977.207 kilometer persegi.

Di samping itu, beberapa perubahan dilakukan terhadap organisasi Majlis Daerah Raub di mana yang beroperasi sebelum ini diletakkan di bawah jabatan-jabatan.

Menurut Laporan Banci Penduduk dan Perumahan tahun 2010 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah penduduk bagi kawasan RT Daerah Raub berjumlah 95,600 orang dan RSN Pahang 2050 telah menasaskan jumlah penduduk pada tahun 2050 seramai 136,317 orang.

Bandar Raub merupakan bandar utama yang berfungsi sebagai pusat utama pentadbiran, sosial dan ekonomi bagi daerah Raub. **Rajah 1.2** menunjukkan carta organisasi terkini MD Raub diterajui oleh seorang Yang Dipertua, disokong oleh 24 orang Ahli Majlis dan dibantu oleh Setiausaha dan 6 ketua jabatan. Sehingga kini, terdapat 6 Jabatan dan 5 unit utama berfungsi bagi membantu sistem pengurusan dan pentadbiran Majlis. Majlis Daerah Raub mempunyai sebuah pejabat cawangan di Bukit Fraser bagi memudahkan operasi seharian.

Rajah 1.2 CARTA ORGANISASI MAJLIS DAERAH RAUB SEDIA ADA



Sumber: Majlis Daerah Raub, 2020



## 1.2.2 Jawatankuasa Tetap Majlis Daerah Raub

Sistem pengurusan dan pentadbiran MD Raub diperkukuhkan dengan adanya Jawatankuasa Tetap dan Lembaga Pentadbiran yang dilantik. Buat masa ini terdapatnya 21 Jawatankuasa dan Lembaga yang mempunyai bidang kuasa tertentu dibentuk dan disenaraikan seperti **Jadual 1.1** di bawah yang membantu dalam pengurusan dan pentadbiran Majlis Daerah Raub.

**Jadual 1.1 SENARAI JAWATANKUASA TETAP MAJLIS DAERAH RAUB**

BIL.	JAWATANKUASA TETAP
1	Jawatankuasa Kewangan
2	Jawatankuasa Perjawatan
3	Jawatankuasa Penilaian
4	Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
5	Jawatankuasa Perlesenan
6	Jawatankuasa Undang-undang
7	Jawatankuasa Kebersihan dan Lanskap
8	Jawatankuasa Pelupusan Aset
9	Jawatankuasa Membuka Tender
10	Jawatankuasa Penilaian Tender
11	Jawatankuasa Membuka Sebutharga
12	Jawatankuasa Penilaian Sebutharga
13	Jawatankuasa Memutuskan Sebutharga
14	Jawatankuasa Perubahan Kerja (V.O)
15	Jawatankuasa Penswastaaan & Pelaburan
16	Jawatankuasa Lalulintas
17	Jawatankuasa Program Bandar Selamat
18	Jawatankuasa Pemilihan Penyewa Premis/Gerai/Pasar
19	Jawatankuasa Khas Bukit Fraser
20	Lembaga Tatatertib
21	Keahlian Lembaga Perolehan Yang Memutuskan Tender

Sumber: Majlis Daerah Raub, 2020

## 1.2.3 Bidang Kuasa Majlis Daerah Raub

Majlis Daerah Raub mempunyai kuasa untuk mentadbir kawasan pentadbirannya berlandaskan perundangan yang telah ditetapkan. Dalam pentadbiran MDR, terdapat dua (2) bahagian perundangan yang diguna pakai iaitu Akta dan Undang-undang Kecil. Penggunaan Akta dan undang-undang kecil di dalam sebuah organisasi adalah untuk membentuk pentadbiran yang cekap dan menghindari daripada berlaku gejala negatif yang boleh mempengaruhi ketelusan sistem pentadbirannya.

**Rajah 1.3 PERUNDANGAN YANG DIGUNA PAKAI**

SENARAI AKTA YANG DIKUATKUASAKAN	SENARAI UNDANG-UNDANG KECIL
Perlembagaan Persekutuan	UUK (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Kerajaan Tempatan (MDR) 1983
Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)	UUK (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Jalan, Parit & Bangunan (MDR) 1983
Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)	UUK Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MDR) 1983
Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)	UUK Bayaran Pelan dan Permit (MDR) 1983
Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333)	UUK Pengendali Makanan (MDR) 1984
Kanun Tanah Negara 1965	UUK Taman (MDR) 1986
Akta Pengambilan Tanah 1976	UUK Kawalan & Penyeliaan Tempat-Tempat Makan (MDR) 1986
Enakmen Hiburan 1993	UUK Penjaja (MDR) 1987
	UUK Kedai Gunting Rambut & Pemandan Rambut (MDR) 1987
	UUK Iklan Pilihanraya (MDR) 1990
	UUK Tandas Awam (MDR) 1992
	UUK Kerja Tanah (MDR) 1998
	UUK Stor Kayu & Kerja Kayu (MDR) 1999
	UUK Vandalisma (MDR) 2006
	UUK Pelesenan Aning (MDR) 2007
	UUK Pasar (MDR) 2008
	UUK Iklan (MDR) 2017
	UUK Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian (MDR) 2017
	UUK Bangunan (Pahang) 1996

Sumber: Majlis Daerah Raub, 2020



## 1.3 Cadangan Memperkukuh Kedudukan Kewangan Majlis Daerah Raub

Majlis harus memperkukuhkan kedudukan kewangan dan mengamalkan perbelanjaan berhemah serta menggiatkan usaha mencari sumber kewangan baru agar tidak membantutkan perjalanan dan pembangunan Majlis. MDR juga perlu mengurangkan kebergantungan kepada terimaan bukan hasil juga peruntukan pembangunan. Antara langkah-langkah mengukuhkan kewangan Majlis Daerah Raub secara ringkasnya dapat disimpulkan seperti berikut:

### 1. Pemantauan dan Penguatkuasaan

Pemantauan dan penguatkuasaan yang lebih ketat termasuklah usaha mengurangkan kadar tunggakan cukai taksiran ke tahap minimum demi kesejahteraan kedudukan kewangan. Majlis juga perlu untuk menjalankan promosi dan galakan bagi mengurangkan kadar tunggakan pembayaran cukai yang merupakan hasil utama Majlis.

### 2. Pembesaran Kawasan Operasi Dan Kawasan Pembangunan

Pembesaran kawasan pembangunan dapat mewujudkan permintaan terhadap harta-harta perumahan dan komersial dan secara tidak langsung mewujudkan permintaan terhadap perumahan di sekitar. Ini juga dapat memberi hasil kepada Majlis menerusi cukai taksiran.

### 3. Pembangunan Hartanah Milik Majlis

Projek yang berdaya maju hendaklah dikenal pasti kesesuaiannya untuk dibangunkan sama ada menerusi Program Penswastan (*Privatisation Programme*) atau lain-lain. Ini akan memberi beberapa kelebihan kepada pihak MDR di mana beban kewangan MDR dalam menyediakan pembangunan tersebut di paras minimum. Antaranya contoh pembangunan usahasama MDR termasuklah kompleks bangunan baru Majlis serta pembangunan perumahan di Gali secara usahasama bersama pemaaju Pintas Wangsa di mana MDR bakal menerima pulangan 20% dari hasil jualan unit kediaman yang dibina. Di antara kaedah lain yang dapat diguna pakai oleh Majlis dalam pembangunan hartanah mengikut kesesuaiannya adalah:

- Usahasama (*Joint Venture*), di mana pihak swasta akan bekerjasama dengan Majlis dalam membangunkan hartanah milik Majlis. Kaedah ini juga dapat meringankan beban kewangan Majlis di mana syer Majlis di dalam projek ditentukan menerusi nilai tanah milik Majlis;
- Bina – Kendali – Pindah milik (*Built-Operate-Transfer*);
- Bina – Kendali – Pajak (*Built-Operate-Lease*);
- Pajakan Aset;
- *Private Funding Initiative* (Inisiatif Pembiayaan Swasta); dan
- Kontrak Pengurusan

### 4. Mengenakan Pelbagai Caj Terutamanya Caj Pembangunan

Antara Caj yang boleh dikenakan termasuklah Caj Pembangunan, Caruman Kubur, Caruman Tempat Letak Kereta dan Bon Pelaksanaan.

Antara negeri yang telah melaksanakan Caj Pemajuan ini termasuklah Selangor mulai 2010, Perak (2012), Kelantan dan Kedah (2015) serta Terengganu dan Johor (2017), mengikut kaedah dan tatacara pelaksanaan masing-masing. Sebagai contoh, sekiranya Caj Pemajuan sebanyak 10% dapat dikuatkuasakan, Majlis bakal menerima hasil sekurang-kurangnya sebanyak RM3.5 juta bagi setiap 100 ekar tanah pembangunan kediaman baru.

### 5. Penguatkuasaan Kadar Nilai Baru

Sehingga kini Majlis masih menggunakan kadar taksiran yang lapuk dan usaha menilai semula pegangan dalam kawasan operasi majlis harus dilaksanakan segera bagi menggantikan kadar yang lama.

### 6. Memperkasakan Pembangunan Produk Pelancongan Agro dan Eko

Daerah Raub mempunyai pelbagai produk pelancongan agro dan eko termasuk Bukit Fraser, Lata Jarum, Lata Lembik, Jeram Besu dan lain-lain. Majlis perlu membangun, mengurus tadbir serta memperkasakan produk-produk atau kawasan pelancongan sedia ada dan yang baru terutama yang bercorak '*Agro-tourism*' dan '*Eco-Tourism*' serta homestay dengan lebih meluas dan efektif.





#### **7. Merangka Dan Melaksanakan Program Untuk Mendapatkan Sumber Kewangan Baru Dari Pertanian**

Daerah Raub terkenal sebagai Bandar Musang King di mana sejumlah 6,700 hektar ladang durian dari klon Musang King dan peratusan ini dijangka akan terus meningkat. Dianggarkan hasil dari Musang King bernilai RM1.3 bilion pada tahun 2018, namun pihak MDR tidak menerima hasil secara langsung dari industri ini dan pihak perunding mencadangkan agar pihak MDR bersikap proaktif dengan memainkan peranan dengan inisiatif :

- Memperkenalkan dan mewajibkan penggunaan Logo Musang King Raub dalam program promosi di peringkat nasional dan juga antarabangsa. Pihak Majlis boleh mengenakan komisen atas setiap biji durian yang dipasarkan dengan menggunakan kotak khas dengan logo tersebut. Perunding menjangka pihak MDR boleh menjana pendapatan antara RM4 juta – RM6 juta setahun.
- Memperkenalkan dan mewajibkan penggunaan teknologi chip Pengenal Frekuensi Radio (RFID) ke atas setiap biji durian Musang King yang dipasarkan bakal memberikan pulangan kepada Majlis sejumlah lebih RM2juta setahun.

Namun begitu MDR perlu membuat kajian lanjut dari segi perundangan serta berbincang bersama pihak terbabit termasuk agensi terlibat serta pekebun-pekebun durian.

## 1.4 Unjuran Hasil Majlis Dearah Raub


Unjuran hasil MDR oleh perunding adalah berdasarkan kepada purata hasil diperolehi MDR tidak termasuk peruntukan pembangunan tertera seperti di dalam **Rajah 1.4** dengan mengambilkira andaian-andaian seperti:

- Hasil cukai diambilkira sebagai iaitu kiraan cukai semasa 2018 dengan kadar peningkatan antara 8% hingga 9% setahun untuk cukai taksiran manakala 8% setahun untuk hasil bukan cukai mengikut purata tahunan semasa;
- Terimaan bukan cukai diambil sebagai peratusan hasil cukai dengan kadar purata 5% setahun menggambarkan akan kesungguhan MDR untuk meningkatkan kebergantungan kepada Hasil Cukai dan Hasil Bukan Cukai sebagai hasil utama Majlis. Adalah didapati, Terimaan Bukan Hasil MDR mencecah antara 30% sehingga 40% dari purata pendapatan majlis bagi tahun 2014-2018 dan trend ini agak membimbangkan. Adalah diharapkan agar MDR tidak terlalu bergantung kepada Terimaan Bukan Hasil dan berada di paras bawah 30% untuk kelestarian pendapatan Majlis;

- Unjuran terimaan cukai diambil sepenuhnya dengan andaian kutipan maksimum dapat dilaksanakan dengan adanya kaedah baru kutipan cukai yang dilaksanakan dengan jayanya. Hasil dianggarkan akan berkembang dengan kadar 5% - 10% setahun. Berdasarkan kepada andaian perunding, adalah **dianggarkan Majlis akan mencapai hasil lebih dari RM 20 juta pada tahun 2025 dan bersedia untuk menaik taraf kepada Majlis Perbandaran;** dan
- Andaian yang tidak kurang pentingnya adalah keadaan ekonomi yang sesuai dan pasaran harta yang baik di mana permintaan adalah di tahap tertinggi dan tahap kekosongan yang minima serta tiada berlakunya sebarang pandemik yang akan membantutkan ekonomi.

1.0 - 12

Rajah 1.4 UNJURAN HASIL MDR SEHINGGA TAHUN 2035



Sumber: Jabatan Perbendaharaan MDR 2020

\*a Andaian oleh MDR

\*b Andaian oleh perunding berdasarkan purata hasil MDR





## 1.5 Cadangan Pengukuhan Jentera Pelaksanaan Majlis Daerah Raub

### 1.5.1 Cadangan Pengukuhan Majlis Daerah Raub (MDR)

Antara cadangan pengukuhan jentera pelaksanaan MDR selain dari pengukuhan kedudukan kewangan Majlis dan cara meningkatkan hasil menerusi sumber hasil baru Majlis, disenaraikan cadangan tersebut:

#### 1. Memperkukuhkan Daya Laksana dan Daya Maju Jentera Pentadbiran Serta Struktur Organisasi

Sebagaimana yang dinyatakan sebelum ini, langkah ini adalah sebagai persediaan penting ke arah mencapai status Perbandaran serta membolehkan Majlis menjadi lebih proaktif dalam melaksanakan projek pembangunan. Struktur organisasi yang teratur akan menjamin kelancaran dan ketulusan sesuatu operasi di mana setiap individu atau bahagian di dalam jabatan tahu peranan dan tanggungjawab masing-masing.

Adalah disarankan untuk Majlis mengujudkan satu **Jabatan Pelancongan dan Promosi** yang aktif dalam mempromosikan produk pelancongan yang banyak di Daerah Raub. Majlis juga harus mengambil peluang atas sumber sedia ada yang banyak dan menjenamakan bandar Raub sebagai satu pusat pelancongan utama negeri dengan warisan tanah tinggi Bukit Fraser, Durian Musang King, *Benum Geopark* serta usaha atau inisiatif *Twin City* atau sekurang-kurangnya *Sister City* bersama negeri China serta antara Bukit Fraser bersama satu bandar di United Kingdom.

Adalah dicadangkan juga perlunya diujudkan juga sebuah **Unit Pelaburan dan Penswastan** untuk membantu Majlis melaksanakan pembangunan dan mengkaji hala tuju pelaburan Majlis terutama dari segi pembangunan hartanah. Langkah ini dijangka dapat merencanakan pembangunan dengan mengkaji dan menganalisa peluang pelaburan dan pembangunan di daerah Raub, termasuklah Bukit Fraser, baik secara sendiri atau usahasama (JV). Sebagai contoh, cadangan pembangunan tanah milik Majlis untuk pembangunan unit-unit kediaman atau komersil terutama di dalam Bandar Raub dan Bukit Fraser serta cadangan pembangunan Kompleks Bangunan Pentadbiran Majlis Perbandaran Raub yang baru. Perunding berpendapat Unit Pelaburan harus diletak terus di bawah YDP.

Selain dari Pelaburan Hartanah, unit Pelaburan ini juga dapat dipertanggungjawabkan di atas pelaburan pembangunan pertanian di mana cadangan RATEC@IC diujudkan sebagai sebagai Hab Bisnes Raub iaitu *One Stop Centre* atau pusat setempat yang akan bertindak sebagai pusat koordinasi dan promosi untuk hasil pertanian daerah Raub. Antara unit yang dicadangkan di bawah RABC termasuklah pusat pemasaran pertanian yang dikenali sebagai *Raub Integrated Commercial Hub (RICH)* serta *Raub Agriculture Technology Centre (RATEC)*, sebuah usahasama bersama universiti atau kolej pertanian yang merupakan pusat pembelajaran berasaskan pertanian, sebagaimana yang dijelaskan dalam sektor pertanian.

#### 2. Menaik Taraf Pejabat Cawangan Bukit Fraser

Meskipun pentadbiran dan pengurusan Bukit Fraser telah diserahkan daripada Perbadanan Kemajuan Bukit Fraser (Tourism Pahang) kepada Majlis Daerah Raub sejak tahun 1997, perunding mendapati fungsi cawangan Bukit Fraser MDR masih goyah dan memerlukan hala tuju yang jelas. Pihak Majlis juga mungkin perlu untuk memperkukuhkan pejabat cawangan tersebut sebagai pihak yang bertanggungjawab atas pembangunan Bukit Fraser dengan menaik taraf pejabat cawangan tersebut serta memperuntukkan seorang pegawai profesional gred 41 bagi menerajui pejabat tersebut dan dibantu oleh beberapa pegawai sokongan.

Pihak kerajaan negeri juga disarankan untuk mengambil langkah proaktif dan mengkaji hala tuju pentadbiran dan pembangunan Bukit Fraser sebagai salah satu destinasi pelancongan utama negeri yang terkenal dengan kekayaan bio-diversiti serta flora dan faunanya, suhunya yang nyaman, serta terkenal dengan jolokan *Little England*. Pihak Kerajaan negeri juga boleh mengkaji serta menentukan peranan dan fungsi *custodian* atau penjaga yang bertanggungjawab atas pentadbiran dan pembangunan Bukit Fraser sekiranya perlu. **Rajah 1.4** menunjukkan cadangan carta Organisasi baru MDR.

Bukit Fraser berpeluang untuk dimajukan secara terkawal dan berupaya untuk menarik lebih ramai pelancong serta meningkatkan pendapatan Majlis. Pelbagai cadangan dapat diusulkan seperti menghadkan jumlah kereta ke puncak dengan menyediakan kemudahan tempat letak kereta bertingkat termasuk kedai, surau dan tandas serta khidmat 'shuttle' dari Gap, Selangor. Kemudahan pengangkutan di puncak juga perlu disediakan bagi kemudahan pengunjung.

Bagi meningkatkan pendapatan Majlis di Bukit Fraser, antara cadangan awal perunding selain daripada mengenakan sewa kepada hartanah milik MDR, Majlis juga boleh mengenakan caj kepada tapak perkhemahan, tapak 'caravan', yuran pengurusan acara, caj masuk kawasan tarikan seperti 'canopy walk', 'petting zoo', taman bunga, 'zipline' serta penguatkuasaan caj pemuliharaan seperti yang dikenakan ke atas pengunjung Taman Kinabalu, Sabah dan Taman-Taman Laut Malaysia. Mengikut pengiraan awal perunding, Majlis berupaya untuk mendapat hasil sejumlah lebih kurang RM3 juta setahun dari 200,000 pengunjung sekiranya langkah-langkah tersebut dijalankan.

### 3. Mengisi Kekosongan serta Menambah Bilangan Pegawai

Sebagai persediaan ke arah berstatus Perbandaran, Majlis harus menjadi lebih proaktif dalam melaksanakan projek pembangunan. Majlis perlu mengisi kekosongan jawatan secepat mungkin kerana kekosongan tersebut boleh mengakibatkan kelewatan dalam suatu operasi. Kelewatan ini boleh mengakibatkan peningkatan di dalam kos operasi dan ini hanya akan merugikan pihak kontraktor dan juga MDR. Cadangan penubuhan beberapa unit dan jabatan baru seperti Unit Pelaburan & Penswastaan, Jabatan Pelancongan serta penaiktarafan Pejabat Cawangan Bukit Fraser akan memerlukan Majlis untuk mengambil wargakerja baru terutama dari Gred 36 & 41 sebagai ketua dan di bantu oleh staf sokongan dari Gred 26 dan ke bawah. Namun pengambilan wargakerja ini perlu di rujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam.

### 4. Meningkatkan Mutu Perkhidmatan Dengan Program Pembelajaran Semula

Majlis harus terus melabur dalam program modal insan seperti kursus pendek, seminar, pembelajaran semula dan IT untuk meniup semangat warga kerja dan meningkatkan mutu perkhidmatan serta menukar dan memantapkan 'mindset' warga kerja sedia ada sebagai persiapan tata kerja Majlis Perbandaran. Usaha ini akan dapat meningkatkan produktiviti Majlis dan mutu perkhidmatan dan juga menjadikan kakitangan ke arah budaya pengetahuan (k-ekonomi).

### 5. Meningkatkan Tahap Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Aplikasi IT Dalam Setiap Jabatan dan Bahagian

- a. Penggunaan teknologi maklumat dan aplikasi IT terkini boleh menjadikan pengurusan Majlis lebih efisien dan lebih produktif. Majlis harus menggandakan usaha untuk membolehkan mendapat pengiktirafan Sijil Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 di peringkat Jabatan bagi membolehkan Majlis berdaya saing dan adalah wajar jika setiap Jabatan dapat bergerak ke arah pengiktirafan berikut demi untuk menjayakan dan merealisasikan visi Majlis.
- b. Antara aplikasi yang dapat membantu terutama dalam penerimaan hasil termasuklah 'pembayaran *on-line*' melalui internet, kiosk '*e-payment*' dan juga penggunaan laman web dengan meluas agar apa-apa aktiviti dan permohonan seperti e-cukai, '*e-submission*', lesen, kompaun, aduan dan lain-lain dapat dilakukan menerusi internet.
- c. Pihak Majlis juga harus peka serta menggunakan aplikasi terkini seperti *facebook*, *instagram* dan *twiter* dengan meluas selari dengan perkembangan teknologi dan aspirasi semasa.






d. Majlis juga harus membuat kajian dari masa ke semasa dalam mengambilkira perisian dan kelengkapan komputer terkini yang diperlukan dan juga berusaha ke arah sistem rangkaian komputer (*Local Area Networking*) di antara Jabatan dan Bahagian-bahagian di dalam Majlis yang perlu di selenggarakan oleh Bahagian Teknologi Maklumat di bawah Jabatan Khidmat Pengurusan MDR. Ini termasuklah dalam segi pengumpulan dan perkongsian data, maklumat digital, cara penyimpanan peta, akses, sistem aduan, internet, *e-submission*, sistem gaji, dan sebagainya. Ini dapat mengeratkan hubungan di antara bahagian-bahagian dan menjamin ketulusan dalam perkhidmatan. Polisi penggunaan e-mail ini, harus diadakan demi memastikan kebocoran rahsia, maklumat sulit dan dokumen sensitif Majlis tidak berlaku.

#### 6. Pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa

Pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa seperti 'Place Making Award' dsb. dilihat dapat membantu memantapkan daya saing Bandar Raub. Sehubungan itu, Majlis disarankan untuk menggiatkan usaha untuk bersaing dan memperolehi pelbagai pengiktirafan.

Rajah 1.4 CADANGAN CARTA ORGANISASI MAJLIS DAERAH RAUB KE ARAH MAJLIS PERBANDARAN



Sumber: Kajian Rancangan Tempatan Daerah Raub, Pahang 2035 (Penggantian)

## 1.6 Pencapaian Status Perbandaran Menjelang Tahun 2025

Sehingga kini, Majlis Daerah Raub (MDR) telah memenuhi lima (5) dari tujuh (7) kriteria yang ditetapkan KPKT untuk dinaiktarafkan menjadi Majlis Perbandaran. Justeru itu dengan unjuran dan sasaran pembangunan yang dicadangkan, Majlis Daerah Raub dijangka akan **mencapai kesemua kriteria perbandaran menjelang Tahun 2025**. Secara ringkasnya asas dan status pencapaian semasa MDR ditunjukkan dalam **Jadual 1.2** di bawah.

**Jadual 1.2 KRITERIA KPKT UNTUK STATUS MENAIKTARAF KE MAJLIS PERBANDARAN**

BIL	KRITERIA YANG DITETAPKAN	ASAS PERBANDINGAN / TINDAKAN MENAIKTARAF	STATUS PENCAPAIAN SEMASA (2020)	STATUS PENCAPAIAN PERBANDARAN TAHUN 2025
1	Bandar Utama atau pusat pentadbiran Negeri atau Daerah	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bandar Raub merupakan sebuah pusat pentadbiran daerah</li> </ul>		
2	Penduduk tidak kurang dari 150,000 orang	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jumlah penduduk semasa (2018) adalah dianggarkan seramai 106,500 penduduk. RSN Pahang 2050 mengunjurkan penduduk seramai 136,317 orang menjelang tahun 2035.</li> <li>Sasaran pertambahan injuksi penduduk dijangka dengan cadangan Raub sebagai Bandar Agro Warisan serta sokongan aksesibiliti yang tinggi. Maka disasarkan menjelang tahun 2035, unjuran penduduk dijangka melebihi 150,000.</li> </ul>		
3	Sumber kewangan yang mampan, hasil tahunan tidak kurang dari RM20 juta serta berupaya menyediakan perkhidmatan selesa	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sumber kewangan MDR 2018 adalah RM14.747 juta dan purata pendapatan MDR dari tahun 2016 adalah RM14 juta</li> <li>Diunjurkan pendapatan MDR akan mencapai &gt; RM20 juta menjelang tahun 2025, dan RM39.3 juta pada tahun 2035.</li> </ul>		
4	Mempunyai kegiatan perindustrian, perniagaan, pelancongan dan perumahan utama sedia ada ataupun dalam perancangan yang dikenal pasti berpotensi memberi sumbangan kepada pertambahan pegangan yang boleh dikenakan cukai serta penjanaaan peluang-peluang pekerjaan dalam pelbagai sektor	<ul style="list-style-type: none"> <li>Perkembangan ekonomi daerah Raub terutamanya dalam sektor pertanian (khususnya durian Musang King) dan pelancongan semulajadi, telah memberikan kesan positif ke atas penjanaaan pekerjaan dalam sektor perkilangan, eko dan agro pelancongan. Ini membawa kepada peningkatan dalam permintaan perumahan baharu dan peningkatan caj cukai pintu.</li> </ul>		
5	Keupayaan menyediakan ruang dan peluang kepada para peniaga di samping menggalakkan pertumbuhan aktiviti pelaburan, perniagaan dan komersil	<ul style="list-style-type: none"> <li>Peluang pelaburan yang amat menggalakkan terutamanya impak daripada pelaburan dalam pertanian Durian Musang King, memperlihatkan pertumbuhan dalam bangunan, gerai dan resort pelancongan</li> </ul>		
6	Mempunyai kemudahan infrastruktur yang memuaskan serta dihubungkan dengan sistem lebuhraya yang cekap. Mempunyai konsep perancangan bandar yang mampan ( <i>sustainable</i> ) yang berupaya menyediakan persekitaran yang selamat dan selesa untuk didiami. Indikator bandar mampan seperti yang ditekankan dalam Sistem MURNInet.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Projek Central Spine Road (54km) merupakan pemangkin utama infrastruktur bagi daerah Raub, dan dijangka akan membawa pembangunan baharu di dua kawasan persimpangan baharu. Tahap aksesibiliti akan meningkat dengan cadangan Lebuhraya di Jalan Ulu Sungai melalui Slim River.</li> <li>Kemudahan sedia ada juga berada di tahap yang baik dengan tahap kesampaian yang tinggi, mewujudkan kualiti hidup yang selamat, selesa dan berdaya huni tinggi.</li> <li>Pencapaian MURNInets 2.0 <ul style="list-style-type: none"> <li><b>Sasaran 2025 : 90% : Sangat Mampan</b></li> <li>2018 : 71% : Sederhana Mampan</li> <li>2017 : 76% : Sederhana Mampan</li> <li>2015 : 80% : Mampan</li> </ul> </li> </ul>		
7	Mempunyai program yang boleh menggalakkan penduduk setempat untuk membangunkan komuniti masing-masing melalui tadbir urus bandar yang cekap seperti pelaksanaan program Local Agenda 21 (LA 21) ataupun penglibatan jawatankuasa penduduk	<ul style="list-style-type: none"> <li>MD Raub telah pun melaksanakan pelbagai program yang memperlihatkan keterlibatan komuniti setempat yang tinggi.</li> </ul>		



## 1.7 Cadangan Pelaksanaan Projek Rancangan Tempatan Daerah Raub, Pahang 2035 (Penggantian)

Bahagian ini terdiri kepada tiga (3) bahagian utama bagi memudah cara pengurusan dan pelaksanaan projek-projek bagi perancangan RT Daerah Raub, Pahang 2035 (Penggantian), iaitu:

**i. Pengenalpastian PROJEK-PROJEK IMPAK TINGGI (HIP), PROJEK QUICK WIN (QW) dan PROJEK SOKONGAN**

Bahagian ini mengenal pasti projek-projek mengikut kategori projek dan keutamaan pelaksanaan.

**ii. RINGKASAN JUMLAH PROJEK DAN KOS**

Bahagian ini menghimpun jumlah projek dan juga kos kesemua inisiatif atau projek yang dicadangkan.

**iii. PELAKSANAAN PROJEK-PROJEK CADANGAN**

Bahagian ini mengemukakan agensi pelaksana dan juga anggaran kos bagi setiap inisiatif pembangunan. Fasa pembangunan juga ditentukan berdasarkan 3 fasa sehingga tahun 2035.



Cadangan bangunan MPK di Raub 21 berdekatan dengan Taman Tasik Raub

### 1.7.1 Pengenalpastian Projek-Projek 'High Impact Project' (HIP) dan 'Quick Wins' (QW) dan Projek Sokongan (SK)

Projek-projek yang dicadangkan terdiri daripada tiga kategori mengikut kepentingan dan fasa pelaksanaan. Takrifan bagi setiap kategori projek adalah seperti berikut:

#### i) TINGGI PROJEK IMPAK (HIP)

- Berprestig Tinggi
- Penjenamaan Global dan Domestik
- Impak Tinggi
- Kos/Pelaksanaan Sederhana-Tinggi
- Hasil pulangan yang tinggi dalam bentuk nilai ekonomi, nilai kelestarian alam sekitar mahupun pemeliharaan warisan
- Pengukuhan dan Rejuvenasi pusat-pusat petempatan utama.

#### ii) PROJEK 'QUICK WIN' (QW)

- Projek Yang Paling Menarik
- Mudah Keberlaksanaan
- Impak Tinggi
- Kos/Pelaksanaan Rendah
- Hasil pulangan yang tinggi dalam bentuk nilai ekonomi dan inklusiviti komuniti
- Meningkatkan imej dan daya tarikan pelancongan pusat bandar.


#### iii) PROJEK SOKONGAN (SK)

- Impak Rendah - Sederhana
- Kos/ Pelaksanaan : Jangka Pendek, Sederhana & Panjang
- Hasil pulangan : Rendah – Sederhana
- Fokus kepada pembangunan ekonomi inovatif, kreatif dan mesra alam.
- Membangunkan kemudahan asas dan infrastruktur bagi menyokong pembangunan masa hadapan
- Memerlukan komitmen dan keselarasan antara agensi teknikal dengan kesemua pihak berkepentingan.

## 1.7.2 Ringkasan Jumlah Projek dan Kos Pembangunan

### ■ RINGKASAN JUMLAH PROJEK DAN KOS PEMBANGUNAN KESELURUHAN

Secara keseluruhannya, **130 projek** dan inisiatif dicadangkan bagi memacu pembangunan RT Daerah Raub, Pahang 2035. Anggaran kos keseluruhan merangkumi **RM 5,186.10**. Daripada jumlah ini, **15 Projek High Impact (HIP)**, **23 projek Quick Wins (QW)** dan **92 projek-projek sokongan (SK)** yang lain dirancang untuk dilaksanakan mengikut fasa yang tertentu (Jadual 1.3).



Jadual 1.3 RINGKASAN JUMLAH PROJEK DAN KOS PEMBANGUNAN RT DAERAH RAUB 2035 (PENGGANTIAN)

CADANGAN PEMBANGUNAN	HALA TUJU	KATEGORI PROJEK / ANGGARAN KOS PEMBANGUNAN (RM JUTA)*							
		HIP	RM Juta	QW	RM Juta	SK	RM Juta	JUMLAH PROJEK	RM Juta
<b>12 FOKUS STRATEGIK (FS)</b>	12	15	1,270.0	13	96.5	12	179.7	40	1,546.2
<b>Manifestasi Teras 1</b> Pengukuhan Ekonomi dan Peningkatan Kemakmuran	6			10	38.2	27	994.2	37	1,032.4
<b>Manifestasi Teras 2</b> Perancangan Spatial, Infrastruktur dan Alam Sekitar Mampan	9					27	1,947.4	27	1,947.4
<b>Manifestasi Teras 3</b> Reka Bentuk Bandar Mampan, Pembangunan Komuniti Sejahtera dan Inklusif	6					26	660.1	26	660.1
<b>Manifestasi Teras 4</b> Urustadbir Efektif dan Efisien		<i>(termasuk dalam Fokus Strategik FS12)</i>							
<b>JUMLAH</b>	<b>33</b>	<b>15</b>	<b>1,270.0</b>	<b>23</b>	<b>134.7</b>	<b>90</b>	<b>3,781.4</b>	<b>130</b>	<b>5,186.10</b>

Nota : (\*) Merupakan anggaran kos pembangunan projek, tidak termasuk kos tanah dan infrastruktur

HIP = Projek High Impact

QW = Projek Quick Win


SK = Projek Sokongan





### ■ RINGKASAN JUMLAH PROJEK DAN KOS PEMBANGUNAN BAGI MANIFESTASI TERAS (MT)

Sebanyak 90 projek telah dicadangkan untuk keempat-empat Manifestasi Teras., yang terdiri daripada 10 projek QW dan 80 projek sokongan. Butiran bagi setiap projek adalah seperti yang digariskan dalam **Jadual 1.4** .



**Jadual 1.4** MANIFESTASI TERAS : RINGKASAN CADANGAN PEMBANGUNAN/KATEGORI PROJEK/ANGGARAN KOS DAN FASA PEMBANGUNAN

CADANGAN PEMBANGUNAN		KATEGORI PROJEK / RM JUTA					FASA PEMBANGUNAN			
		HIP	RM	QW	RM	SK	RM	Fasa 1 2020-2025	Fasa 2 2026-2030	Fasa 3 2031-2035
<b>MANIFESTASI TERAS 1: PENGUKUHAN EKONOMI DAN PENINGKATAN KEMAKMURAN</b>										
<b>H1</b>	Memperkukuhkan Kluster Pertanian Daerah					8	141.0			
<b>H2</b>	Mempertingkatkan Pemasaran Hasil Pertanian					3	57.0			
<b>H3</b>	Mengetengahkan Raub Sebagai Destinasi Pelancongan Berpotensi Tinggi			5	17.7	8	727.9			
<b>H4</b>	Mempertingkatkan Kemudahan dan Promosi Tarikan Pelancongan			3	11.6	2	40.0			
<b>H5</b>	Mempertingkatkan Kemudahan dan Perluasan Aktiviti Berasaskan K-ekonomi dan Inovasi serta Mempertingkatkan Bidang Keusahawanan			2	8.9	3	28.3			
<b>H6</b>	Mempertingkatkan Peluang Pelaburan dan Penglibatan Dalam Sektor Industri					3	-			
<b>JUMLAH</b>				<b>10</b>	<b>38.2</b>	<b>27</b>	<b>994.2</b>			
<b>MANIFESTASI TERAS 2 : PERANCANGAN SPATIAL, INFRASTRUKTUR DAN ALAM SEKITAR MAMPAN</b>										
<b>H7</b>	Memelihara Kualiti Alam Sekitar dan Sumber Semulajadi Agar Seimbang dan Harmoni					4	35.7			
<b>H8</b>	Memulihara Dan Memelihara Bekalan Air Semulajadi Agar Kualiti Dan Kuantiti Di Tahap Optimum					5	41.0			
<b>H9</b>	Mengenal pasti dan Mengukuhkan Kawalan Pembangunan Secara Sistematis bagi Kawasan Tanah Tinggi Daerah Raub					1	13.0			
<b>H10</b>	Memelihara Sumber Air Bersih dan Memastikan Bekalan Air Mencukupi					3	686.0			
<b>H11</b>	Meningkatkan Keupayaan Sistem Saliran dan Perparitan					1	110.0			
<b>H12</b>	Membangunkan Infrastruktur Digital					1	-			
<b>H13</b>	Meningkatkan Kecekapan Pengurusan Sistem Pembetulan dan Sisa Pepejal					4	405.3			
<b>H14</b>	Memperkukuhkan Kecekapan Sistem Rangkaian Pengangkutan Darat					6	562.4			
<b>H15</b>	Mempromosi Pengangkutan Awam dan Mod Pengangkutan Alternatif Pengangkutan Hijau Yang Mesra Alam					2	94.0			
<b>JUMLAH</b>						<b>27</b>	<b>1,947.4</b>			

URUSTADBIR BANDAR EFEKTIF

Sambungan

Sambungan

CADANGAN PEMBANGUNAN	KATEGORI PROJEK / RM JUTA						FASA PEMBANGUNAN		
	HIP	RM	QW	RM	SK	RM	Fasa 1 2020-2025	Fasa 2 2026-2030	Fasa 3 2031-2035
<b>MANIFESTASI TERAS 3 : REKA BENTUK BANDAR MAMPAN, PEMBANGUNAN KOMUNITI SEJAHTERA DAN INKLUSIF</b>									
H16	Mengukuhkan Pembentukan Pusat Bandar Yang Beridentiti, Menarik dan Aktif				6	47.1			
H17	Menerapkan Elemen Bandar Selamat dan Mesra Pengguna				3	12.8			
H18	Memenuhi Keperluan Perumahan Yang Mencukupi, Terancang dan Berdaya Huni				2	25.0			
H19	Memantapkan Pembangunan Desa Secara Strategik, Terancang Dan Beridentiti				2	200.2			
H20	Mempertingkatkan Kesejahteraan Penduduk Melalui Penyediaan Kemudahan Masyarakat yang Inklusif				8	257.0			
H21	Menerapkan Konsep Persekitaran Rendah Karbon Melalui Peningkatan Kawasan Hijau				5	118.0			
<b>JUMLAH</b>					<b>26</b>	<b>660.1</b>			
<b>MANIFESTASI TERAS 4 : URUSTADBIR EFEKTIF DAN EFISIEN</b>									
H22	Cadangan Penstrukturan Organisasi Majlis				1	-			
